

# Polisi Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran (EHS) Global Entegris

*Entegris bertekad untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang menghormati alam sekitar serta menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk para pekerja, pelawat, kontraktor, komuniti dan pemegang saham kami.*

## KESIHATAN DAN KESELAMATAN

---

Kami bertungkus-lumus untuk mengenal pasti risiko di tempat kerja dan mengambil pendekatan proaktif ke arah kesihatan dan keselamatan untuk mengelak daripada berlakunya kecederaan dan terkena penyakit.

## PENCEGAHAN RISIKO DAN PENCEMARAN

---

Kami mengekalkan sistem yang bersepadu serta efisien untuk menguruskan usaha pencegahan risiko dan pencemaran secara menyeluruh di dalam syarikat. Kami berusaha untuk menjadi ahli komuniti global yang bertanggungjawab dan menyokong masa depan yang mampan.

## KEMAJUAN BERTERUSAN

---

Kami memantau dan menganalisa kesan operasi kami dengan teliti serta sentiasa mendorong kemajuan. Kami mempunyai nilai budaya yang teguh berasaskan Nilai PACE kami: Individu dan Kerjasama (P), Bertanggungjawab (A), Kreativiti (C) dan Dedikasi untuk Kecemerlangan (E).

## PEMATUHAN

---

Kami memenuhi keperluan kawal selia yang diperlukan dan berusaha untuk melaksanakan program yang menjangkau pematuhan, mempunyai objektif yang boleh diukur dan setanding dengan amalan terbaik industri.

## PENGAWASAN PRODUK

---

Kami menilai produk dan perkhidmatan kami secara berterusan untuk memastikan ianya memenuhi atau menjangkau jangkauan persekitaran, kesihatan dan keselamatan.



**BERTRAND LOY**

*Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden*